

Sukuk hijau milik prospek lebih baik

KUALA LUMPUR - Sukuk hijau di Malaysia dijangka mempunyai prospek lebih baik dalam masa terdekat dengan sokongan daripada Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Bhd., Datuk Chung Chee Leong berkata, memandangkan bank-bank di negara ini mula menumpukan kepada projek-projek yang berkaitan persekitaran hijau, pemanasan global dan kelestarian alam sekitar, langkah ini dapat membantu memacu trend sukuk hijau.

"Misalnya, lebih ramai pemaju membina rumah yang dapat menjimatkan tenaga dengan menggunakan tenaga solar.

"Oleh itu, saya berpendapat, akan terdapat tarikan yang lebih baik bagi sukuk hijau dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Bernama* di luar Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur 2017 di sini semalam.

Sukuk hijau merupakan pelaburan patuh Syariah dalam tenaga boleh baharu dan aset alam sekitar yang lain, dan hasil digunakan untuk membiayai pembinaan, membiayai semula hutang pembinaan, atau membiayai pembayaran subsidi hijau yang diberi kerajaan.

Pada Julai tahun ini, Malaysia menerbitkan sukuk hijau pertama di dunia iaitu sebanyak RM250 juta Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab untuk membiayai pembinaan projek solar di Kudat, Sabah.